

UCAPAN

**“SESI PENERANGAN HALA TUJU
PELAN STRATEGIK SEBERANG PERAI 2018-2022”
OLEH YBHG. DATO’ YANG DIPERTUA
BERSAMA PEMBANTU AWAM”**

**OLEH
YBHG. DATO’ Sr HJ ROZALI BIN HJ MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

PADA 5 DAN 6 OKTOBER 2017

**“SEBERANG PERAI RESILIENT, INKLUSIF,
HIJAU DAN KOMPETITIF”**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Ahli Majlis-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, Rakan-Rakan Media, Pengerusi ANULAE Seberang Perai En. Mohd. Tahir bin Othman, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam “Sesi Penerangan Hala Tuju Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022” oleh YBhg. Dato’ Yang Dipertua bersama Pembantu Awam.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

MPSP sedang merangka pembentukan Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022 yang dijadualkan siap pada Disember 2017. Pelan Strategik ini merupakan dokumen hala tuju strategik dalam tempoh lima (5) tahun dan merupakan satu (1) perancangan atau komitmen MPSP kepada semua *stakeholders* di Seberang Perai dalam menjayakan Visi dan Misi MPSP.

Justeru itu, saya akan berjumpa dengan semua pembantu awam di semua daerah untuk mendapat pandangan daripada mereka berhubung strategi yang perlu diambil oleh MPSP bagi melaksanakan 10 keutamaan strategi yang telah dipilih oleh *stakeholders* melalui soalan kaji selidik yang telah diadakan pada 30 Ogos 2017 hingga 25 September 2017.

Saya juga ingin mengambil kesempatan dalam perjumpaan ini untuk menyampaikan dan memaklumkan kepada semua pembantu awam MPSP iaitu anda juga diberi peluang untuk melibatkan diri dalam pembentukan strategi untuk mencapai Visi Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022.

MPSP akan mengadakan 'Sesi *Brainstorming* bersama Pembantu Awam' bermula 9 hingga 13 Oktober 2017 untuk sesi pertama dan sesi kedua akan diadakan pada 23 sehingga 27 Oktober 2017 yang meliputi ketiga-tiga daerah SPU,SPT dan SPS. 'Sesi *Brainstorming* bersama Pembantu Awam' ini membolehkan anda semua memberi pandangan untuk menentukan strategi dalam pembentukan Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022 dan ke arah bandar Seberang Perai yang anda semua kehendaki.

MPSP akan merangka strategi, program dan aktiviti berdasarkan kepada 10 Keutamaan strategi yang telah dipilih oleh *stakeholders*. 10 Keutamaan adalah **Persekitaran Yang Selamat, Kemudahan Dan Infrastruktur Yang Berkualiti, Gaya Hidup Sihat, Pembangunan Hijau dan Persekitaran Bersih, Penerapan Teknologi Baru, Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing, Memperkukuhkan Budaya Dan Warisan, Bandar Yang Berdaya Tahan Dan Berdaya Huni,**

Keterlibatan Komuniti dan terakhir adalah **Pembangunan Bandar Yang Inklusif dan Saksama.**

Adalah diharapkan pembentukan Pelan Strategik ini dapat mempertingkatkan lagi tahap perkhidmatan perbandaran, perancangan, pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti di Seberang Perai.

Atas inisiatif untuk menggerakkan MPSP selari dengan perkembangan global serta tuntutan untuk mewujudkan komuniti yang mampan, pelbagai program akan dirancang di dalam **Keutamaan Strategi Tahun 2018** serta **Pelan Strategik Seberang Perai 2018 - 2022**. Elemen yang diberi keutamaan di dalam merencana Bajet Tahun 2018 adalah kepekaan serta keprihatinan MPSP kepada keperluan penduduk Seberang Perai dan seterusnya menjadi inisiatif serta penyelesaian segera yang berkesan terhadap isu dan permasalahan yang dibangkitkan oleh orang awam.

Pada tahun 2016, kadar kitar semula bagi keseluruhan Seberang Perai adalah 42% yang mana telah berjaya ditingkatkan daripada 39% pada tahun 2015. Bagi mencapai hasrat MPSP untuk mencapai Bandar Rendah Karbon yang diimpikan pada tahun 2022, kadar kitar semula perlu dipertingkatkan dari 42% pada tahun 2016 ke 70%.

Angka ini merupakan satu sasaran yang tinggi dan hanya boleh dicapai sekiranya MPSP dan penduduk Seberang Perai bersama-sama berganding bahu mencapai matlamat ini.

Oleh itu, untuk menjadikan kitar semula sebagai satu amalan harian, MPSP memperkenalkan konsep *MPSP Smart Consumption Model* (Model MPSP berhubung Penggunaan Bijak). Ia merangkumi 8R seperti berikut:-

- 1) *Rethink (Be mindful of your consumption, your relationship with 'things' and your relationship with the Earth)*
- 2) *Refuse (Don't consume what you don't need to)*
- 3) *Reduce (Reduce consumption of energy and materials)*
- 4) *Re-use (Share with others. Find new uses for old objects)*
- 5) *Repair (Fix or upgrade your objects rather than throwing them away)*
- 6) *Re-gift (Share, and be a part of the gift company)*
- 7) *Recover (Energy and materials recovery and **UPCYCLE**)*
- 8) *Recycle (Close the loop and remake)*

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati,

MPSP mengharapkan sasaran penjanaaan sampah kepada 50% menjelang tahun 2022. Untuk makluman semua, kini kadar penjanaaan sampah adalah sebanyak 1.3kg per kapita. Justeru itu, untuk mencapai sasaran tersebut ini bermakna kita memerlukan penjanaaan sampah sebanyak 0.65kg per kapita menjelang tahun 2022.

MPSP mensasarkan untuk menjadi sebuah **bandaraya rendah karbon dan bandaraya pintar menjelang 2022**. Oleh yang demikian, tema “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif**” telah dijadikan sebagai **Visi** Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022. Ini akan menggambarkan komitmen serta usaha yang akan digembleng oleh MPSP dalam merangka strategi ke arah mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdaya huni.

Bagi melengkapkan Seberang Perai sebagai sebuah bandaraya pintar pula, MPSP akan menerokai **Industri 4.0, Big Data Analytic (BDA), Cloud Computing** dan **Internet of Things (IOT)** untuk melakukan transformasi digital dalam penyampaian perkhidmatan lebih pantas, mudah dan terkini.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.*